

Bil. S 63

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2002

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah.
3. Pindaan bab 56.
4. Pemasukan bab 251 baru.
5. Pemansuhan Penggal XLII Bahagian X.
6. Pindaan Penggal XLIV Bahagian X.
7. Pemasukan Penggal XLIVA baru ke dalam Bahagian X.
8. Pindaan bab 439.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Peraturan Jenayah (Pindaan), 2002.

Pindaan bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah.

2. Bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah, dalam Perintah ini disebut sebagai Kanun tersebut, adalah dipinda, dalam cerai (3), dengan memotong "24" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "48".

Pindaan bab 56.

3. Bab 56 dari Kanun tersebut adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "Whenever" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Notwithstanding any other written law for the time being in force, whenever";

(b) dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (1) —

"(1)A Dalam hal buku bank, pegawai polis yang berpangkat Penguasa ke bawah tidaklah boleh menjalankan sebarang kuasa yang diberikan oleh bab ini atau memerintahkan pengemukaan buku tersebut kecuali di tempat perniagaan bank.";

(c) dalam cerai (3), dengan memotong "to affect the provisions of any law relating to evidence for the time being in force or" dari dua baris pertama;

(d) dengan menambah cerai baru yang berikut —

- "(4) Dalam bab ini, "buku bank" termasuk lejar, buku harian, buku tunai, buku akaun dan semua buku lain yang digunakan dalam perniagaan biasa bank, sama ada rekod ini dalam bentuk bertulis atau disimpan dalam mikrofilem, pita magnetik atau sebarang bentuk lain sistem dapatan kembali data secara mekanikal atau elektronik."

Pemasukan bab 251 baru.

4. Kanun tersebut adalah dipinda dengan memasukkan bab 251 baru yang berikut —

"Tarikh mula menjalani hukuman.

"251. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun ini setiap hukuman penjara yang dikenakan bab 252 hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh hukuman itu dijatuhkan, melainkan jika Mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu mengarahkan sebaliknya."

Pemansuhan Penggal XLII Bahagian X.

5. Penggal XLII Bahagian X dari Kanun tersebut adalah dimansuhkan.

Pindaan Penggal XLIV Bahagian X.

6. Penggal XLIV Bahagian X dari Kanun tersebut adalah dipinda dengan memotong "Appeals" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Appeals by persons convicted".

Pemasukan Penggal XLIVA baru ke dalam Bahagian X.

7. Kanun tersebut adalah dipinda dengan memasukkan Penggal baru yang berikut sejurus selepas Penggal XLIV Bahagian X —

"Penggal XLIVA

Rayuan oleh Pendakwa Raya

Rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap pembebasan.

438A. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain Kanun ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, Pendakwa Raya boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sebarang pembebasan mana-mana

orang oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa jenayah asalnya.

Penangkapan responden.

438B. Apabila terdapat suatu rayuan oleh Pendakwa Raya di bawah bab 438A, Mahkamah Rayuan boleh mengeluarkan suatu Waran yang mengarahkan supaya tertuduh ditangkap dan dibawa di hadapannya, dan boleh memasukkannya ke dalam penjara sementara menunggu keputusan rayuan tersebut atau membenarkannya untuk diikat jamin.

Responden tidak hadir.

438C. Jika, semasa rayuan tersebut didengar, responden tidak hadir dan Mahkamah Rayuan tidak berpuas hati bahawa notis rayuan telah disampaikan kepadanya, Mahkamah Rayuan tidaklah boleh membuat sebarang perintah dalam perkara rayuan tersebut yang bertentangan atau menjejaskan responden, tetapi hendaklah menangguhkan pendengaran rayuan tersebut pada tarikh masa depan bagi kehadirannya, dan hendaklah mengeluarkan notis yang diperlukan kepadanya untuk penyampaian.

Alasan bagi membenarkan rayuan.

438D. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun ini, Mahkamah Rayuan hendaklah membenarkan suatu rayuan oleh Pendakwa Raya di bawah bab 438A jika difikirkannya —

(a) bahawa pembebasan itu patut diketepikan atas alasan bahawa ia tidak selamat atau tidak memuaskan; atau

(b) bahawa pembebasan itu patut diketepikan atas alasan keputusan salah mengenai sebarang persoalan undang-undang; atau

(c) bahawa terdapat salah aturan yang penting semasa perbicaraan,

dan dalam sebarang kes lain hendaklah menolak rayuan tersebut.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Mahkamah Rayuan boleh menolak rayuan tersebut jika ia menganggap bahawa, walau pun perkara yang dibangkitkan dalam rayuan tersebut mungkin diputuskan memihak kepada Pendakwa Raya, salah laksana keadilan sebenarnya tidak berlaku.

(3) Mahkamah Rayuan hendaklah, jika ia membenarkan rayuan tersebut, membatalkan pembebasan itu.

(4) Suatu perintah Mahkamah Rayuan yang membatalkan suatu pembebasan hendaklah, kecuali apabila di bawah bab 438H responden diperintahkan untuk dibicarakan semula, berkuatkuasa sebagai suatu arahan kepada mahkamah perbicaraan untuk mencatatkan, sebagai ganti rekod pembebasan, suatu penghakiman dan keputusan sabit kesalahan.

Jika rayuan dibenarkan.

438E. (1) Bab ini dikenakan jika atas suatu rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap suatu pembebasan selepas perbicaraan ke atas 2 pertuduhan atau lebih, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan tersebut berkaitan dengan salah satu atau beberapa pertuduhan sahaja.

(2) Mahkamah Rayuan boleh berkaitan dengan sebarang pertuduhan yang atasnya responden masih disabitkan kesalahan menjatuhkan hukuman, sebagai ganti sebarang hukuman yang dijatuhkan ke atasnya semasa perbicaraan, sebagaimana yang difikirkannya patut dan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi kesalahan yang atasnya dia masih disabitkan atas pertuduhan itu (sama ada hukuman yang digantikan itu adalah lebih berat atau kurang berat).

Keputusan khas.

438F. (1) Bab ini dikenakan atas suatu rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap pembebasan seseorang yang kesnya Hakim telah membuat suatu keputusan khas.

(2) Jika Mahkamah Rayuan menganggap bahawa suatu keputusan salah telah dibuat oleh Hakim, Mahkamah Rayuan boleh, sebagai ganti membenarkan rayuan itu, memerintahkan supaya keputusan tersebut direkodkan yang pada pendapatnya sebagai mengikut undang-undang yang dikehendaki, dan menjatuhkan hukuman sebagai ganti hukuman yang dijatuhkan semasa perbicaraan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang.

Keputusan hilang akal atau tidak layak untuk mengaku.

438G. (1) Jika, atas suatu rayuan terhadap suatu pembebasan oleh Pendakwa Raya, Mahkamah Rayuan berpendapat —

(a) bahawa keputusan yang sepatutnya adalah keputusan tidak bersalah kerana hilang akal; atau

(b) bahawa kes itu adalah bukan kes yang mematuhi keputusan pembebasan, tetapi sepatutnya suatu keputusan bahawa responden telah hilang upaya,

Mahkamah Rayuan hendaklah membuat suatu perintah supaya responden dimasukkan ke dalam sebuah penjara atau hospital sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah Rayuan.

(2) Setelah membuat suatu perintah di bawah bab ini, Mahkamah Rayuan boleh memberikan arahan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penahanan responden sementara menunggu dia dimasukkan ke dalam sebuah penjara atau hospital.

Perbicaraan semula.

438H. (1) Jika Mahkamah Rayuan membenarkan suatu rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap suatu pembebasan dan pada pendapat Mahkamah Rayuan bahawa kepentingan keadilan menghendaki demikian, Mahkamah Rayuan boleh memerintahkan supaya responden dibicarakan semula.

(2) Responden tidaklah boleh di bawah bab ini diperintahkan untuk dibicarakan semula kerana sebarang kesalahan selain dari —

(a) kesalahan yang berkaitan dengannya dia dibebaskan dan yang berkaitan dengannya rayuan itu dibenarkan sebagaimana yang disebutkan dalam cerai (1);

(b) suatu kesalahan yang atasnya dia mungkin telah disabitkan semasa perbicaraan asal atas suatu pertuduhan kerana kesalahan yang mula-mula disebutkan itu;

(c) suatu kesalahan yang dituduh dilakukan atas tuduhan lain yang berkaitan dengannya Hakim tidak membuat suatu keputusan; dan

(d) sebarang kesalahan lain yang mungkin telah didedahkan oleh keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan asal.

Peruntukan-peruntukan tambahan tentang perbicaraan semula.

438I. (1) Seseorang yang akan dibicarakan semula kerana suatu kesalahan menurut suatu perintah di bawah bab 438G hendaklah dibicarakan atas suatu pertuduhan baru yang dibuat oleh Pendakwa Raya.

(2) Mahkamah Rayuan boleh, setelah memerintahkan suatu perbicaraan semula, membuat perintah yang pada pendapatnya diperlukan atau mustahak —

(a) bagi penahanan dalam kurungan atau dibenarkan untuk diikat jamin orang yang diperintahkan untuk dibicarakan semula, sementara menunggu perbicaraan semulanya; atau

(b) bagi penyimpanan sementara menunggu perbicaraan semula apa-apa harta atau wang tidak kira bagaimana jua pun dibayar menurut pembebasan asal atau sebarang perintah yang dibuat atas pembebasan itu.

(3) Jika orang yang diperintahkan untuk dibicarakan semula, sejurus sebelum keputusan rayuan oleh Pendakwa Raya, kena ditahan menurut suatu keputusan yang dibuat di bawah Penggal XXXI dari Kanun ini —

(a) keputusan itu hendaklah terus berkuatkuasa sementara menunggu perbicaraan semula seolah-olah rayuan Pendakwa Raya telah tidak dibenarkan; dan

(b) sebarang perintah yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan di bawah bab ini supaya dia ditahan dalam kurungan atau dibenarkan untuk diikat jamin hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada keputusan itu.

Rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap hukuman.

438J. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain Kanun ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, Pendakwa Raya boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sebarang hukuman yang dijatuhkan kepada mana-mana orang oleh Mahkamah Tinggi (bukannya hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang) pada menjalankan bidang kuasa jenayah asalnya.

Peruntukan-peruntukan tambahan tentang rayuan terhadap hukuman.

438K. (1) Jika Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan kepada tertuduh 2 hukuman atau lebih dalam prosiding yang sama, suatu rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap mana-mana satu dari hukuman-hukuman tersebut hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan berkaitan dengan kedua-dua atau semua hukuman tersebut.

(2) Atas suatu rayuan terhadap hukuman oleh Pendakwa Raya, Mahkamah Rayuan, jika ia menganggap bahawa responden patut dihukum secara berlainan kerana suatu kesalahan yang atasnya dia dibicarakan, boleh —

(a) membatalkan sebarang hukuman atau perintah yang menjadi perkara rayuan itu; dan

(b) sebagai gantinya menjatuhkan hukuman atau membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya bersesuaian bagi kes itu (sama ada hukuman atau perintah tersebut adalah lebih berat atau kurang berat) dan sebagaimana mahkamah rendah mempunyai kuasa untuk menjatuhkan atau membuatnya semasa membicarakannya kerana kesalahan itu.

Hak untuk merayu oleh Pendakwa Raya jika orang didapati tidak berupaya membuat pembelaan.

438L. Jika terdapat suatu keputusan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di bawah Penggal XXXI mengenai persoalan kelayakan seseorang itu untuk membuat pembelaannya, Pendakwa Raya boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan itu.

Penyelesaian rayuan di bawah bab 438K.

438M. (1) Mahkamah Rayuan hendaklah membenarkan suatu rayuan oleh Pendakwa Raya di bawah bab 438L jika difikirkannya —

(a) bahawa keputusan itu patut diketepikan atas alasan bahawa ia tidak selamat atau tidak memuaskan; atau

(b) bahawa perintah yang menguatkuasakan keputusan itu patut diketepikan atas alasan keputusan salah mengenai sebarang persoalan undang-undang; atau

(c) bahawa terdapat salah aturan yang penting semasa keputusan persoalan mengenai kelayakan yang akan dibicarakan,

dan dalam sebarang kes lain (kecuali kes yang dikenakan cerai) hendaklah menolak rayuan tersebut.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Mahkamah Rayuan boleh menolak rayuan tersebut jika ia menganggap bahawa, walau pun perkara yang dibangkitkan dalam rayuan tersebut mungkin diputuskan memihak kepada Pendakwa Raya, salah laksana keadilan sebenarnya tidak berlaku.

(3) Suatu rayuan oleh Pendakwa Raya di bawah bab 438L boleh, jika persoalan kelayakan yang akan dibicarakan itu diputuskan kemudian daripada responden dituduh, dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan (walau pun keputusan itu dibuat dengan sepatutnya) jika Mahkamah Rayuan

berpendapat bahawa kes itu adalah kes yang tidak mematutkan responden dibebaskan sebelum persoalan kelayakan yang akan dibicarakan itu dipertimbangkan; dan, jika suatu rayuan dibenarkan di bawah cerai ini, Mahkamah Rayuan hendaklah, selain dari membatalkan keputusan itu, mengarahkan supaya suatu perbicaraan baru diperintahkan.

(4) Tertakluk kepada cerai (3), jika suatu rayuan di bawah bab 438L dibenarkan, responden boleh dibicarakan kerana kesalahan yang dia diduduh melakukannya, dan Mahkamah Rayuan boleh membuat perintah yang pada pendapatnya diperlukan atau mustahak sementara menunggu sebarang perbicaraan tersebut bagi penahanannya dalam kurungan atau dibenarkan untuk diikat jamin.

Rayuan Pendakwa Raya tidak akan dibenarkan atas alasan tertentu.

438N. Kecuali jika, pada pendapat Mahkamah Rayuan, salah laksana keadilan sebenarnya telah berlaku, tiada rayuan oleh Pendakwa Raya boleh dibenarkan di bawah Penggal ini kerana sebarang —

(a) kecacatan yang, jika dinyatakan semasa perbicaraan itu sedang berjalan, mungkin telah dipinda oleh mahkamah perbicaraan; atau

(b) ketidakformalan dalam pengangkatan sumpah seseorang saksi.

Prosedur rayuan oleh Pendakwa Raya.

438O. (1) Pendakwa Raya, dalam sebarang rayuan di bawah Penggal ini, hendaklah memberi notis rayuan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diperuntukkan oleh aturan-aturan dan perintah-perintah yang dibuat di bawah bab 441.

(2) Notis rayuan hendaklah diberikan dalam masa 28 hari dari tarikh pembebasan atau keputusan yang dirayu itu atau, dalam hal suatu rayuan terhadap hukuman, dari tarikh hukuman itu dijatuhkan atau, dalam hal suatu perintah yang dibuat atau disifatkan sebagai dibuat jika disabitkan kesalahan, dari tarikh perintah itu dibuat.

(3) Jika hukuman telah dijatuhkan lebih dari 7 hari selepas tarikh pembebasan atau keputusan, notis rayuan terhadap pembebasan atau keputusan itu boleh diberikan dalam masa 28 hari dari tarikh hukuman itu dijatuhkan.

(4) Masa untuk memberikan notis di bawah bab ini boleh dilanjutkan, sama ada sebelum atau selepas ia tamat tempohnya, oleh Mahkamah Rayuan.

Rayuan tidak berasas oleh Pendakwa Raya.

438P. (1) Jika pada pendapat Pendaftar bahawa suatu notis rayuan oleh Pendakwa Raya di bawah Penggal ini tidak menunjukkan sebarang alasan rayuan yang menyeluruh, dia boleh merujuk rayuan tersebut kepada Mahkamah Rayuan untuk keputusan terus.

(2) Jika suatu kes dirujuk kepadanya di bawah ceraian (1), Mahkamah Rayuan boleh, jika ia menganggap bahawa rayuan tersebut adalah remeh atau menyusahkan dan boleh diputuskan tanpa perbicaraan penuh, menolak terus rayuan tersebut tanpa memanggil mana-mana orang untuk menghadiri perbicaraan kes itu.

Penyediaan kes.

438Q. (1) Pendaftar hendaklah —

(a) mengambil segala langkah yang perlu bagi mendapatkan perbicaraan sebarang rayuan oleh Pendakwa Raya yang mengenainya notis telah diberikan kepadanya dan yang tidak ditolak terus di bawah bab 438O; dan

(b) mendapatkan dan mengemukakan di hadapan Mahkamah Rayuan dalam borang yang sepatutnya semua dokumen, barang kes dan benda lain yang ternyata diperlukan bagi keputusan rayuan tersebut.

(2) Aturan-aturan dan perintah-perintah yang dibuat di bawah bab 441 mungkin membolehkan Pendakwa Raya untuk mendapatkan daripada Pendaftar sebarang dokumen atau benda, termasuk salinan-salinan atau penyalinan dokumen-dokumen, yang dikehendaki bagi rayuannya.

Keterangan.

438R. (1) Bagi maksud-maksud Penggal ini, Mahkamah Rayuan boleh —

(a) memerintahkan pengemukaan sebarang dokumen, barang kes atau benda lain yang ada kaitan dengan prosiding itu, yang pengemukaannya pada pendapat Mahkamah Rayuan sebagai diperlukan bagi keputusan rayuan tersebut oleh Pendakwa Raya.

(b) memerintahkan mana-mana saksi yang mungkin seorang saksi paksa dalam prosiding itu yang kerananya rayuan tersebut dibuat untuk hadir bagi pemeriksaan dan diperiksa di hadapan Mahkamah Rayuan, sama ada dia dipanggil dalam prosiding itu atau tidak; dan

(c) tertakluk kepada cerai (3), menerima keterangan, jika dikemukakan, mana-mana saksi.

(2) Tanpa menjejaskan cerai (1), jika keterangan dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan ia hendaklah, melainkan jika ia berpuas hati bahawa keterangan itu, jika diterima, tidak akan memberikan sebarang alasan bagi membenarkan rayuan tersebut, menjalankan kuasa-kuasanya bagi menerima keterangan itu jika —

(a) pada pendapatnya bahawa keterangan itu mungkin boleh dipercayai dan mungkin boleh diterima dalam prosiding itu yang kerananya rayuan tersebut dibuat mengenai sesuatu isu yang menjadi perkara rayuan tersebut; dan

(b) ia berpuas hati bahawa keterangan itu tidak dikemukakan dalam prosiding itu tetapi bahawa terdapat penjelasan yang munasabah kerana kegagalan untuk mengemukakannya.

(3) Perenggan (c) cerai (1) dikenakan kepada mana-mana saksi yang layak tetapi bukan saksi paksa, dan dikenakan juga kepada suami atau isteri responden jika Pendakwa Raya membuat suatu permohonan bagi maksud itu dan keterangan suami atau isteri responden itu tidak mungkin diberikan dalam prosiding itu yang kerananya rayuan tersebut dibuat kecuali atas permohonan tersebut.

(4) Bagi maksud-maksud Penggal ini, Mahkamah Rayuan boleh memerintahkan pemeriksaan mana-mana saksi yang kehadirannya mungkin dikehendaki di bawah perenggan (b) cerai (1) yang akan dijalankan, mengikut cara yang diperuntukkan oleh aturan-aturan dan perintah-perintah yang dibuat di bawah bab 441, di hadapan mana-mana Hakim atau orang lain yang dilantik oleh Mahkamah Rayuan bagi maksud itu, dan membenarkan penerimaan sebarang keterangan bersumpah yang diambil sebagai keterangan di hadapan Mahkamah Rayuan.

Kesan rayuan ke atas hukuman.

438S. (1) Masa responden ditahan dalam kurungan sementara menunggu keputusan suatu rayuan oleh Pendakwa Raya hendaklah, tertakluk kepada sebarang arahan yang bertentangan yang mungkin diberikan oleh

Mahkamah Rayuan, dikira sebagai sebahagian dari tempoh sebarang hukuman penjara yang mungkin dikenakan oleh Mahkamah Rayuan.

(2) Jika Mahkamah Rayuan memberikan suatu arahan yang bertentangan di bawah cerai (1), ia hendaklah menyatakan sebab-sebabnya berbuat demikian.

(3) Tempoh sebarang hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan hendaklah, melainkan jika Mahkamah Rayuan mengarahkan sebaliknya, mula berjalan dari masa apabila ia sepatutnya mula berjalan jika dijatuhkan dalam prosiding itu yang kerananya rayuan tersebut dibuat.

Restitusi.

438T. (1) Kuatkuasa suatu perintah bagi restitusi harta kepada mana-mana orang yang dibuat atas suatu pembebasan oleh Mahkamah Tinggi hendaklah (melainkan jika mahkamah perbicaraan membuat arahan yang bertentangan dalam sebarang kes di mana, pada pendapatnya, hakmilik terhadap harta itu tidak dipertikaikan) digantung —

(a) dalam sebarang kes, sehingga tamat tempoh 28 hari dari tarikh pembebasan itu; dan

(b) jika notis rayuan diberikan oleh Pendakwa Raya dalam masa 28 hari dari tarikh pembebasan itu, sehingga rayuan tersebut diputuskan.

(2) Dalam kes-kes jika kuatkuasa perintah itu digantung sehingga rayuan tersebut diputuskan, perintah itu tidaklah boleh berkuatkuasa tentang harta yang berkenaan itu jika pembebasan tersebut dibatalkan atas rayuan.

(3) Peruntukan boleh dibuat dengan aturan-aturan dan perintah-perintah yang dibuat di bawah bab 441 untuk memastikan penjagaan yang selamat ke atas sebarang harta, sementara menunggu penggantungan kuatkuasa sebarang perintah tersebut.

(4) Mahkamah Rayuan boleh memerintahkan membatalkan atau mengubah sebarang perintah yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan bagi restitusi harta kepada mana-mana orang, walau pun penyabitkan kesalahan tidak dibatalkan; dan perintah itu, jika dibatalkan, tidaklah boleh berkuatkuasa dan, jika diubah, hendaklah berkuatkuasa sebagaimana yang diubah itu."

Pindaan bab 439.

8. Bab 439 dari Kanun tersebut adalah dipinda, dalam ceraiian (2) —

(a) dengan memotong "bab 421(2)" dari perenggan (e) dan menggantikannya dengan "bab-bab 421(2) dan 438I(2)";

(b) dengan memotong "bab 436(1)" dari perenggan (f) dan menggantikannya dengan "bab-bab 436(1) dan 438S(1)";

(c) dengan memotong "di bawah bab 402(4)" dari perenggan (h) dan menggantikannya dengan "di bawah bab-bab 402(4) atau 438B atau dibenarkan untuk diikat jamin di bawah bab 438B".

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 4 haribulan Disember, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM